



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN LIMA
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2024

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab semua soalan di **Bahagian A** dan dua soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.*
4. *Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.*
5. *Sila jawab dalam **Buku Jawapan** yang disediakan.*
6. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak dan 4 halaman tidak bercetak.

Bahagian A**[60 markah]****Jawab semua soalan**

- 1(a)** Pengguna dalaman dan pengguna luaran merupakan pihak yang menggunakan maklumat dalam Penyata Kewangan. Berikan satu contoh bagi setiap berikut:

- (i) Pengguna Dalaman
- (ii) Pengguna Luaran

[2 markah]

- (b)** Maklumat berikut diperoleh daripada Zaim Enterprise.

Pemilik mengambil barang niaga bernilai RM500 untuk kegunaan sendiri

Nyatakan kesan urus niaga ke atas persamaan perakaunan sama ada bertambah atau berkurang.

- (i) Aset
- (ii) Ekuiti Pemilik

[2 markah]

- (c)** Maklumat berikut diperoleh daripada Shan Gadget Enterprise yang menjual alat telekomunikasi.

Pemilik memulangkan 2 unit telefon bimbit kerana salah jenama

Nyatakan dokumen dan Buku Catatan Pertama yang terlibat.

[2 markah]

- (d)** Nyatakan dua aspek kawalan yang boleh diamalkan dalam pengendalian tunai.

[2 markah]

- (e)** Maklumat berikut diperoleh daripada Kilang Kerepek Zass.

Butiran	RM
Kos Tetap	50 000
Kos Berubah seunit	10
Harga Jualan seunit	15

Hitungkan Titik Pulang Modal (unit).

[2 markah]

- 2 Kilang Kasut Warisan adalah pengeluar kasut berjenama tempatan yang beroperasi di Nilai. Berikut adalah maklumat yang diambil daripada perniagaan tersebut pada 31 Disember 2023.

	1 Januari 2023	31 Disember 2023
	RM	RM
Inventori bahan langsung	6 460	6 420
Kerja dalam proses	2 640	700
Inventori barang siap	3 410	5 720
Alat-alat kecil kilang	1 640	1 330

	RM
Belian bahan langsung	51 670
Belian alat-alat kecil	2 010
Pulangan belian	2 645
Angkutan masuk	2 050
Gaji operator kilang	22 615
Gaji pengurus kilang	12 690
Insurans	8 290
Kadar bayaran	10 290
Pulangan jualan	3 490
Gas dan bahan bakar kilang	5 725
Jualan	190 490
Sewa	6 990
Loji dan mesin (kos)	84 290
Susut nilai terkumpul loji dan mesin	13 090
Belanja selenggara kilang	8 450
Peralatan kilang (kos)	32 290
Royalti	10 760
Belanja am kilang	3 450

Maklumat tambahan:

- Gaji operator kilang belum bayar sebanyak RM2 260.
- Belanja selenggara kilang RM640 merupakan belanja bulan Januari 2024.
- Kadar bayaran masih tertunggak RM2 290.
- Belanja am kilang prabayar bernilai RM790.

- (v) Nota kredit berjumlah RM745 daripada pembekal bahan mentah belum direkodkan.
- (vi) Agihan perbelanjaan bagi kilang dan pejabat adalah seperti berikut:

	Kilang (%)	Pejabat (%)
Sewa	70	30
Insurans	80	20
Kadar bayaran	90	10

- (vii) Loji dan mesin disusutnilaikan pada kadar 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (viii) Peralatan kilang disusutnilaikan 10% setahun atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 [16 markah]
- (b) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 [9 markah]

- 3 Irfan Enterprise yang beroperasi di Taman Senawang, Seremban tidak menyimpan rekod perniagaannya mengikut sistem catatan bergu.

Maklumat berikut menunjukkan ringkasan penerimaan dan pembayaran tunai perniagaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2024.

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2024

Penerimaan	RM	Pembayaran	RM
Baki b/b	30 100	Akaun Belum Bayar	14 300
Jualan	15 200	Belian	1 890
Akaun Belum Terima	20 500	Kadar bayaran	1 500
Komisen	2 800	Kenderaan	15 500
		Gaji	5 400
		Perabot	1 300
		Faedah atas pinjaman	550
		Insurans	500
		Ambilan	800
		Pinjaman	?

Maklumat tambahan :

(i)

	1 Julai 2023 RM	30 Jun 2024 RM
Bangunan (kos)	50 000	50 000
Perabot (kos)	2 000	3 000
Inventori	7 600	8 300
Akaun Belum Terima	3 200	2 100
Akaun Belum Bayar	2 350	3 310
Pinjaman berkadar 8% setahun	40 000	30 000
Insurans prabayar	430	620
Kadar bayaran belum bayar	790	420

- (ii) Kenderaan dibeli pada 1 Januari 2024 dan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun atas kos.
- (iii) Peruntukan hutang ragu diwujudkan pada kadar 5% atas baki Akaun Belum Terima.

- (iv) Sebanyak RM270 barang rosak yang dipulangkan kepada pembekal belum direkod dalam mana-mana buku.
- (v) Ambilan barang niaga oleh pemilik sepanjang tahun adalah sebanyak RM800.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Kawalan Belum Terima [1 markah]
- (b) Akaun Kawalan Belum Bayar [2 markah]
- (c) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2024 [11 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2024 [11 markah]

Bahagian B**[40 markah]***Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.*

- 4(a) Petikan Imbangan Duga berikut diperolehi daripada buku Perkongsian Muaz dan Rahman pada 31 Disember 2023:

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Jualan		219 989
Belian	119 325	
Gaji pekerja	75 000	
Gaji Rahman	12 000	
Alatan Pejabat (kos)	92 000	
Akaun Modal :		
Muaz		46 000
Rahman		36 000
Akaun Semasa :		
Muaz		6 350
Rahman	2 764	
Ambilan Muaz	6 800	
Inventori pada 1 Januari 2023	23 450	
Pinjaman Muaz		25 000
Faedah atas pinjaman	2 000	

Ikatan perjanjian telah menetapkan perkara berikut:

- Faedah atas modal 5% setahun.
- Ambilan oleh pekongsi dikenakan faedah 4% setahun.
- Faedah atas pinjaman pekongsi 10% setahun.
- Gaji Rahman RM18 000 setahun.
- Untung dan rugi dibahagikan antara Muaz dan Rahman mengikut nisbah 3:2

Maklumat tambahan:

- Untung bersih pada 31 Disember 2023 ialah RM39 106.
- Ambilan tunai RM3 600 oleh Muaz pada 30 Jun 2023 belum direkodkan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023. [4 markah]
- Akaun Semasa pekongsi (bentuk beruangan). [6 markah]

4(b) Butir-butir berikut diambil daripada buku perakaunan Kedai Runcit Muafakat.

Pada 1 Julai 2024:	RM
Baki debit lejar jualan	8 300
Baki kredit lejar jualan	825
Baki debit lejar belian	863
Baki kredit lejar belian	6 030

Pada 31 Julai 2024:

Penerimaan cek daripada Akaun Belum Terima	61 980
Pembayaran cek kepada Akaun Belum Bayar	42 174
Belian (termasuk 20% belian tunai)	55 400
Jualan tunai	12 270
Jualan kredit	62 322
Pulangan keluar	2 110
Pulangan masuk	2 670
Diskaun diberi	1 325
Diskaun diterima	764
Hutang lapuk	970
Cek tak laku	760
Diskaun diberi dibatalkan	665
Peruntukan hutang ragu	1 075
Pindahan dari lejar jualan ke lejar belian	465
Baki debit lejar belian	1 312

Anda dikehendaki menyediakan:

(i) Akaun Kawalan Belum Terima

[6 markah]

(ii) Akaun Kawalan Belum Bayar

[4 markah]



5(a) Berikut adalah baki-baki yang diambil daripada buku Hazwan Enterprise pada 31 Mac 2024.

Hazwan Enterprise		
Imbangan Duga pada 31 Mac 2024		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal		61 480
Premis	55 000	
Alatan Pejabat	8 880	
Akaun Belum Terima	3 880	
Akaun Belum Bayar		4 320
Bank		2 960
Ambilan	2 670	
Belian	28 750	
Jualan		38 270
Sewa	3 900	
Inventori awal	2 120	
Komisen diterima		2 280
Kadar bayaran	1 320	
Gaji	3 980	
Pulangan belian		2 670
Pulangan jualan	1 480	
	<u>111 980</u>	<u>111 980</u>

Berikut adalah beberapa kesilapan yang ditemui:

- Kadar bayaran sebanyak RM120 telah direkodkan dalam Akaun Gaji.
- Jualan tunai sebanyak RM250 belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- Belanja memperbaiki premis sebanyak RM320 telah direkodkan di dalam Akaun Premis.
- Satu invois bernilai RM600 yang diterima daripada pembekal belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- Pulangan jualan bernilai RM165 telah didebitkan ke Akaun Belum Terima dan dikreditkan ke Akaun Pulangan Jualan.

Anda dikehendaki menyediakan Imbangan Duga Terselaras pada 31 Mac 2024.

[10 markah]

5(b) Maklumat berikut diperolehi daripada Emerald Sdn. Bhd dan Hijrah Sdn. Bhd yang telah menjalankan perniagaan menjual minuman bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2023.

Emerald Sdn. Bhd	
Pulangan Atas Modal	15 %
Nisbah Semasa	3 : 1
Kadar Pusing Ganti Inventori	20 kali

Hijrah Sdn. Bhd	
	RM
Lengkapan	100 000
Modal 1 September 2022	60 000
Jualan (70% merupakan jualan kredit)	66 530
Belanja operasi	850
Belian	30 000
Inventori 1 September 2022	1 050
Inventori 31 Ogos 2023	3 870 ✓
Akaun Belum Terima	1 220 ✓
Sewa prabayar	1 360 ✓
Akaun Belum Bayar	2 230 ✓
Overdraf Bank	1 630
Kadar bayaran belum bayar	440
Untung Kasar	11 650

(i) Anda dikehendaki menghitung nisbah berikut bagi Hijrah Sdn. Bhd:

- | | |
|---|------------|
| (a) Pulangan Atas Modal | [2 markah] |
| (b) Nisbah Semasa | [2 markah] |
| (c) Kadar Pusing Ganti Inventori dalam sebutan kali | [2 markah] |
| (d) Tempoh Kutipan Hutang | [2 markah] |

(ii) Perniagaan yang manakah lebih cekap dalam menguruskan inventori?
Berikan alasan anda.

[2 markah]

- 5(a) Raymond, seorang peniaga telah menerima Penyata Bank bagi bulan April 2024 yang menunjukkan baki RM406 (debit). Maklumat dari Buku Tunai bagi bulan April 2024 adalah seperti berikut:

	RM
Baki pada 1 Jun 2024	1 500
Jumlah penerimaan	5 800
Jumlah pembayaran	3 000

Setelah Raymond membandingkan butiran dalam Penyata Bank dengan Buku Tunai, perkara berikut ditemui:

- (i) Cek RM4 250 daripada Syarikat Murni telah didepositkan pada 24 April tetapi belum dikreditkan oleh pihak bank.
- (ii) Arahan tetap untuk bayaran insurans kedai RM960 belum direkodkan dalam Buku Tunai.
- (iii) Cek berjumlah RM2 150 yang diterima daripada pelanggan Liza telah dipulangkan oleh bank bertanda 'rujuk penyuruh bayar'.
- (iv) Cek berjumlah RM1 200 untuk sewa dan RM650 kepada Ahmad belum dikemukakan kepada bank.
- (v) Raymond telah mendepositkan cek daripada pelanggan Azman berjumlah RM3 661 ke dalam bank tetapi telah dicatat sebagai RM3 561 dalam Buku Tunai.
- (vi) Dividen RM734 daripada Jaya Berhad dan buku cek RM30 belum direkodkan dalam Buku Tunai.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 30 April 2024. (mula dengan baki di buku tunai)

[10 markah]

- 6(b) Pada 1 Jun 2023 Syarikat Fabulous Four telah menerbitkan 1 000 000 unit 6% Syer Keutamaan pada harga RM2 sesyer dan 2 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.50 sesyer. Semua syer yang diterbitkan telah dilanggan dan dibayar penuh pada 1 Februari 2023.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, Lembaga Pengarah telah memutuskan perkara berikut:

- pembayaran dividen interim 5% bagi Syer Biasa untuk tempoh enam bulan pertama.
- pengisytiharan dividen akhir sebanyak 7 sen sesyer bagi Syer Biasa.

Anda dikehendaki:

- (i) merekodkan terbitan Syer Keutamaan ke dalam akaun-akaun yang terlibat. [4 markah]
- (ii) mengira jumlah Dividen Akhir bagi Syer Keutamaan dan Syer Biasa. [4 markah]
- (iii) menunjukkan bahagian Ekuiti Pemilik dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023. [2 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT